



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

BOLEHKAH MENYIMPAN DAGING KORBAN LEBIH DARI TIGA HARI?

(Bilangan 304)

(Dengan na`ma Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu `alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Ibadat korban disyariatkan untuk dilakukan pada Hari Raya Adhha dan hari-hari Tasyriq (11, 12, dan 13 Zulhijjah). Binatang korban yang disembelih pada hari-hari tersebut akan diagih-agihkan dagingnya kepada saudara mara, jiran, sahabat, kaya ataupun miskin yang beragama Islam.

Menurut Imam asy-Syafi'e *Rahimahullah*, daging korban itu seeloknya tidak melebihi sepertiga untuk dimakan dan disimpan oleh orang yang berkorban dan sepertiga dari daging korban itu untuk disedekahkan serta sepertiga lagi untuk dihadiahkan.

Perkara yang ingin disentuh di sini, ialah persoalan mengenai hukum orang yang berkorban memakan atau menyimpan daging korbannya selepas tiga hari setelah ia dikorbankan.

Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam* pernah melarang menyimpan daging korban lebih dari tiga hari, sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Waqid *Radhiallahu `anhu*, beliau berkata:

()

Maksudnya: “*Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam melarang dari memakan daging-daging korban selepas tiga hari.*” ‘Abdullah bin Abu Bakar berkata: “*Aku memberitahu perkara itu kepada ‘Amrah, lalu dia (‘Amrah) berkata: “Dia (‘Abdullah bin Waqid) benar, aku pernah mendengar ‘Aisyah berkata: “Pada zaman Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah datang segolongan Arab Badawi (kalangan orang Arab yang miskin) berjalan perlahan-lahan menuju ke tempat penyembelihan binatang korban.” Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Kamu simpanlah (daging korban) selama tiga hari, setelah itu sedekahkanlah apa yang masih tersisa...”*”

(Hadits riwayat Muslim)

Hadits ini menjelaskan bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* melarang dari memakan atau menyimpan daging korban (bahagian yang disimpan) selepas tiga hari dan Baginda menyuruh untuk menyedekahkan lebihan daging korban itu.

Walau bagaimanapun setelah berlalu suatu ketika, Baginda *Shallallahu ‘alaihi wasallam* tidak lagi melarang untuk memakan, atau menyimpan daging korban selepas tiga hari. Ini kerana larangan Baginda sebelum itu adalah disebabkan menolong orang Arab Badawi yang miskin tersebut, sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin Waqid *Radhiallahu ‘anhu* iaitu sambungan bagi hadits yang disebutkan di atas:

()

Maksudnya: “...Apabila berlalu suatu ketika (yaitu setelah larangan menyimpan daging korban), mereka (para sahabat) berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya orang ramai membuat wadah daripada binatang korban mereka dan mengambil lemaknya.” Rasulullah bersabda: “Mengapa kamu bertanyakan hal ini?” Mereka menjawab: “Dahulu Tuan melarang dari memakan daging korban setelah tiga hari.” Baginda bersabda: “Sesungguhnya dahulu aku melarang kamu hanyalah kerana (aku mahu kamu menyedekahkannya kepada) orang Arab Badawi yang memerlukan itu. Sekarang kamu makanlah, kamu simpanlah dan kamu sedekahkanlah (daging korban).”

(Hadits riwayat Muslim)

Hukum Menyimpan Daging Korban Lebih Tiga Hari

Harus memakan atau menyimpan daging korban lebih dari tiga hari walaupun pada ketika harga barang-barang naik tinggi.

Ini kerana hadits yang melarang untuk memakan atau menyimpan daging korban lebih dari tiga hari itu telahpun dibatalkan (*mansukh*) dengan suruhan Baginda *Shallallahu ‘alaihi wasallam* untuk memakan atau menyimpannya tanpa menghadkan batas waktu yang tertentu. Sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: “...*sesungguhnya dahulu aku melarang kamu (memakan atau menyimpan daging korban) hanyalah kerana (aku mahu menyedekahkannya) kepada orang Arab Badawi yang miskin. Sekarang kamu makanlah, kamu simpanlah dan kamu sedekahkanlah.*”

(Hadits riwayat Muslim)

Walau bagaimanapun, jika seseorang itu ingin menyimpan daging korban tersebut, maka sunat yang disimpan itu terdiri daripada sepertiga bahagian daging korban untuk dimakan.

Oleh yang demikian, tidaklah dilarang (tidak dimakruhkan) apabila menyimpan daging korban walaupun lebih dari tiga hari. Walau bagaimanapun perlulah diingat, jika ingin menyimpan daging korban sunat, seeloknya ia terdiri daripada bahagian daging yang bukan untuk disedekahkan atau dihadiahkan.